



JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,  
MAHKAMAH AGUNG,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR

11  
Telefon: K.L. 2939011  
Teleks: HAKIM MA 33548  
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (1) dlm. JK/MA 16

Tarikh: 16hb Mac 1991

Semua Hakim,  
Mahkamah Sesyen,  
Semenanjung Malaysia.

Semua Majistret,  
Mahkamah Majistret,  
Semenanjung Malaysia.

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar No. 1 Tahun 1991  
Penyimpan Barang-Barang Kes Oleh Pihak Pendakwa

Dimaklumkan bahawa kebelakangan ini terdapat banyak kes-kes jenayah terutamanya kes-kes di bawah Akta Pencegah Rasuah yang dibicarakan di Mahkamah Sesyen dan Majistret yang melibatkan barang-barang kes yang terdiri daripada wang tunai, barang-barang bernilai dan pitapita rakaman. Dengan sistem keselamatan yang kurang memuaskan di beberapa mahkamah, Jabatan Kehakiman khuatir tentang keselamatan barang-barang kes apabila barang-barang kes tersebut disimpan di mahkamah. Bagi mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan terhadap barang-barang kes tersebut seperti kecurian, kebakaran dan sebagainya, Y.A.A. Hakim Besar Malaya telah mengarahkan supaya Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret mematuhi arahan berikut iaitu :-

Sama ada permohonan dibuat atau tidak oleh pihak pendakwa, sekiranya Mahkamah berpendapat bahawa adalah wajar barang-barang kes tersebut disimpan oleh pihak pendakwa, mahkamah bolehlah memerintahkan supaya barang-barang kes tersebut disimpan oleh pihak pendakwa.

Perintah berkenaan boleh dilaksanakan menurut seksyen 407 Kanun Prosedur Jenayah.

Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MOHD. GHAZALI BIN MOHD. YUSOFF)  
Ketua Pendaftar,  
Mahkamah Agung Malaysia,  
Kuala Lumpur.

s.k.:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara,  
Mahkamah Agung,  
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya,  
Mahkamah Agung,  
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo, - (untuk makluman)  
Mahkamah Tinggi,  
Kuching, Sarawak.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung - (untuk makluman)

Y.A. Hakim-Hakim/Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman,  
Mahkamah Tinggi,  
Semenanjung Malaysia.

Peguam Negara Malaysia,  
Jabatan Peguam Negara,  
Kuala Lumpur.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya,  
Kuala Lumpur.